

KERTAS 1
Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

Bahagian A
[20 markah]

- 1
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Ukhuwah Islamiah• Hormat menghormati• Kasih sayang |
|--|
- Pernyataan di atas merujuk kepada nilai luhur dalam
- A Sistem pemerintahan
 - B Sistem pentadbiran
 - C Sistem kehakiman
 - D Sistem sosial
- 2 Berikut adalah ciri-ciri wahyu **kecuali**
- A Kebenaran wahyu adalah mutlak
 - B Kandungannya terpelihara hingga hari kiamat
 - C Kandungannya hanya sesuai untuk kegunaan semasa
 - D Terhenti penurunannya selepas kewafatan Rasulullah s.a.w
- 3 Mengapa Islam menuntut umatnya bekerja?.
- I Memenuhi keperluan asas hidup manusia
 - II Bekerja merupakan ibadat dalam Islam
 - III Mendapat pujian daripada masyarakat
 - IV Menjadi manusia yang kaya raya
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 4 Berikut ialah kebaikan yang diperolehi apabila melaksanakan tanggungjawab terhadap harta **kecuali**
- A Jiwa menjadi tenang
 - B Pemilik harta akan dihormati
 - C Harta yang ada akan bertambah
 - D Mudah mendapat apa yang diinginkan

5 Dalam konsep Syumuliyah bidang perundangan Islam merangkumi hukuman _____

- I Qias
 - II Qisas
 - III Takzir
 - IV Hudud
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

6

| |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Menjauhi musahaqah.• Mensyariatkan perkahwinan. |
|--|

Pernyataan di atas berkaitan dengan cara-cara untuk

- A Memelihara akal
- B Memelihara nyawa
- C Memelihara keturunan
- D Memelihara kehormatan diri

7 Manakah antara berikut yang **bukan** peraturan keterangan dalam perbicaraan ?.

- A Pembuktian
- B Pengaduan
- C Pengakuan
- D Kesaksian

8 Apakah ciri-ciri kesempurnaan dalam melakukan ibadat?.

- I Niat yang ikhlas kerana Allah
 - II Mematuhi tuntutan hukum syarak
 - III Melakukan ibadat untuk tujuan tertentu
 - IV Melakukan ibadat dengan cara tersendiri
-
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C II dan III
 - D I dan IV

9 Berikut ialah sumber rujukan utama sistem kehakiman Islam kecuali

- A Al-Qias
- B Al-Ijmak
- C Al-Sunnah
- D Al-Istihsan

- 10 Antara berikut yang manakah **tidak benar** tentang amalan dalam penyelesaian masalah.
- A Melalui pembahagian tugas yang praktikal
 - B Melalui pegangan agama yang teguh
 - C Melalui nasihat yang bijaksana
 - D Melalui kesungguhan bekerja

- 11 Berikut merupakan prinsip-prinsip Waqi`yyah **kecuali**
- A Praktikal bukan utopia
 - B Menyelesaikan masalah
 - C Menekankan kesederhanaan
 - D Kebebasan mutlak dalam pemikiran

- 12 Berikut adalah benar tentang kesan doa **kecuali**
- A Melahirkan rasa rendah diri kepada Allah
 - B Ketrampilan diri semakin terserlah
 - C Mengelak perasaan sombong
 - D Bertawakal kepada Allah

- 13 Allah s.w.t memerintahkan manusia kembali kepada al-Quran apabila berlaku perselisihan faham.

Kembali kepada al-Quran bermaksud

- A Membaca ketika kesusahan.
 - B Menjadikannya sebagai panduan hidup.
 - C Menjadikannya sebagai panduan sampingan.
 - D Mengamalkan sebahagian daripada al-Quran.
- 14 Al-Mudharabah ialah
- A Pelabur memberikan modal kepada pihak tertentu untuk diniagakan dan keuntungan dibahagi mengikut persetujuan
 - B Kontrak jual beli untuk membeli sesuatu barangan dengan bayaran secara tertangguh keuntungannya
 - C Mewakillkan sesuatu barangan atau harta yang berharga kepada pihak lain untuk disimpan dan diurus
 - D Menjadikan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran bagi sesuatu hutang

- 15 Islam mengharamkan perbuatan mengumpat dan pergaulan bebas.

Hikmat pengharaman tersebut adalah untuk menjaga

- A Keturunan
- B Kemuliaan
- C Kebendaan
- D Kehormatan

- 16 Allah telah menetapkan hukum sunat supaya
- I Mendorong manusia melakukan kebaikan
 - II Mengeratkan hubungan silaturrahim
 - III Menghapuskan dosa-dosa besar
 - IV Mendapat balasan pahala
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 17 Antara ciri-ciri sistem sosial Islam adalah
- I Mengutamakan kepentingan individu daripada umum
 - II Silaturrahim berasaskan bangsa dan agama
 - III Pergaulan mengikut lunas-lunas Islam
 - IV Mengamalkan akhlak mulia
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 18 Kelebihan penyelesaian masalah secara Islam adalah
- I Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah
 - II Mewujudkan semangat juang dan motivasi
 - III Meneguhkan keimanan dan ketakwaan
 - IV Memuaskan hati semua pihak
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 19 Berikut adalah istilah dalam al-Quran yang diertikan sebagai pemimpin atau kepimpinan.
- I Amir al-mustakim
 - II Uli al-amri
 - III Imamah
 - IV Sultan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

20 Antara cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti ibadat ialah

- I Mendampingi para intelektual
- II Mendalami ilmu pengetahuan
- III Melakukan amalan secara istiqamah
- IV Muhasabah setiap tindakan dalam kehidupan

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D I dan IV

Bahagian B

[20 markah]

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruang yang disediakan.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

21 Mewakikan sesuatu barangan atau harta yang berharga kepada pihak lain untuk disimpan dan diuruskan.

| |
|---|
| 1 |
|---|

22 Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.

| |
|---|
| 1 |
|---|

23 Suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dalam suatu kegiatan ekonomi dan berkongsi keuntungan.

| |
|---|
| 1 |
|---|

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

24 _____ ialah ilham atau perintah daripada Allah s.w.t yang disampaikan kepada para nabi dan rasul.

| |
|---|
| 1 |
|---|

25 _____ ialah ilmu yang berkaitan dengan kepentingan kehidupan di dunia.

| |
|---|
| 1 |
|---|

26 Catatan wahyu yang sedikit bilangannya dan diturunkan hanya kepada beberapa orang nabi sahaja ialah _____

| |
|---|
| 1 |
|---|

27 Setiap masalah dalam kehidupan manusia merupakan _____ daripada Allah.

| |
|---|
| 1 |
|---|

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL**.
Tandakan (×) pada pernyataan yang **SALAH**.

| | | | |
|---|----|---|--|
| 1 | 28 | Kesederhanaan dalam Islam ialah menyeimbangkan di antara tuntutan dunia dan akhirat. | |
| 1 | 29 | Wakaf adalah harta yang didermakan untuk orang miskin. | |
| 1 | 30 | Pengakuan orang bisu yang menggunakan bahasa isyarat boleh diterima dalam perbicaraan. | |
| 1 | 31 | Melakukan kebajikan dengan harapan mendapat pujian orang ramai boleh merosakkan akidah. | |

Penyelesaian masalah dilakukan sama ada secara Islam atau secara konvensional.


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

| | |
|---|------------|
| X | Cara Islam |
|---|------------|

| | |
|---|-------------------|
| Y | Cara Konvensional |
|---|-------------------|

| | | Pernyataan | Jawapan |
|---|----|---|---------|
| 1 | 32 | Sumbernya berasaskan pemikiran manusia. | |
| 1 | 33 | Matlamatnya adalah untuk dunia dan akhirat. | |
| 1 | 34 | Dapat menambahkan keyakinan dan ketakwaan kepada Allah. | |
| 1 | 35 | Lebih berteraskan kepada sentimen dan emosi. | |
| 1 | 36 | Penyelesaian masalah bersifat mendidik jiwa kehambaan. | |

Carta di bawah menunjukkan jenis-jenis ibadat



- 37 P _____
- 38 Q _____
- 39 R _____
- 40 S _____

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 A B C D

2 A B C D

3 A B C D

4 A B C D

5 A B C D

6 A B C D

7 A B C D

8 A B C D

9 A B C D

10 A B C D

11 A B C D

12 A B C D

13 A B C D

14 A B C D

15 A B C D

16 A B C D

17 A B C D

18 A B C D

19 A B C D

20 A B C D

| |
|-------------------|
| BAHAGIAN A |
| |

KERTAS 2
MASA : 2 JAM 30 MINIT

[100 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) (i) Allah s.w.t memberi jaminan memelihara kesucian al-Quran daripada dipinda atau diselewengkan. Nyatakan sebab wahyu tidak boleh dipinda mengikut keperluan semasa manusia [6 markah]
- (ii) Huraikan **dua** cara manusia bersyukur kerana telah disyariatkan wahyu. [4 markah]
- (b) (i) Alam ghaib ialah alam yang tidak dapat ditanggapi oleh akal manusia. Berikan dua contoh alam ghaib. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua hikmat beriman dengan alam ghaib. [4 markah]
- (c) Fardu Ain dan fardu Kifayah merupakan ilmu yang wajib diketahui dan dipelajari oleh umat Islam . Nyatakan **dua** perbezaan antara ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah. [4 markah]
- 2 (a) (i)

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah s.w.t ialah Islam.
(Surah Ali Imran, 3 : 19)

 [2 markah]
- (ii) Nyatakan pengertian ad-Din [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** bukti Islam sebagai ad-Din [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan ciri-ciri Waqi'yyah dalam munakahat ? [4 markah]
- (ii) Keadilan dalam Islam bersifat sejagat. Jelaskan pernyataan di atas. [4 markah]
- (c) Huraikan **tiga** kesan jika hak asasi manusia tidak terjamin sepenuhnya. [6 markah]
- 3 (a) (i) Hakim perlu mengikut peraturan keterangan yang telah ditetapkan sebelum memutuskan sesuatu hukuman. Jelaskan tiga peraturan keterangan tersebut [6 markah]
- (ii) Dalam prosedur Kehakiman Islam, hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman dalam keadaan marah. Kemukakan dua hikmah mematuhi prosedur tersebut [4 markah]
- (b) (i) Piagam Madinah digubal setelah negara Islam yang pertama didirikan di Madinah. Apakah tujuan Piagam Madinah diwujudkan. [4markah]
- (ii) Jelaskan dua kedudukan Rasulullah s.a.w. berdasarkan Piagam Madinah. [4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** contoh amalan dalam keluarga yang boleh mengeratkan kasih sayang serta mendapat rahmat Allah s.w.t. [2 markah]
- 4 (a) (i) Urusan muamalah dalam Islam mempunyai syarat-syarat tertentu. Jelaskan **dua** syarat tersebut. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** akibat tidak mengamalkan muamalah Islam. [4markah]
- (b) (i) Harta merupakan kurniaan Allah s.w.t kepada manusia yang wajib disyukuri. Jelaskan **dua** cara mensyukuri nikmat tersebut. [4 markah]
(ii) Nyatakan **dua** akibat jika tidak mensyukuri nikmat dikurniakan harta. [4 markah]
- (c) Harta merupakan amanah Allah yang perlu dipelihara dengan baik. Jelaskan **dua** perkara yang merosakkan harta. [4 markah]
- 5 (a) (i) Islam sebagai agama syumul turut membicarakan salahlaku manusia sesama manusia dan manusia dengan Tuhannya. Nyatakan pengertian jenayah menurut Islam. [2 markah]
(ii) Senaraikan **empat** perkara yang termasuk dalam perlakuan jenayah. [4 markah]
(iii) Nyatakan **empat** jenis hukuman jenayah yang terdapat dalam Islam. [4 markah]
- (b) (i) Perundangan Islam diturunkan dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat tertentu. Nyatakan **dua** kelebihan perundangan Islam berbanding perundangan yang dirangka oleh manusia. [4 markah]
(ii) Terangkan **tiga** cara perundangan Islam memelihara nasab dan keturunan manusia. [6 markah]
- 6 (a) (i) Kecemerlangan pendidikan merupakan salah satu objektif Islam Hadhari. Nyatakan pengertian kecemerlangan pendidikan. [2 markah]
(ii) Bagaimanakah seseorang pelajar itu dapat mencapai kecemerlangan dalam pendidikannya? [6 markah]
- (b) (i) Rasulullah s.a.w sebagai contoh terbaik untuk umat manusia membentuk jati diri yang unggul. Bagaimanakah caranya untuk memupuk jati diri ummah?. [4 markah]
(ii) Nyatakan dua kesan jika umat Islam memiliki jati diri yang unggul. [4 markah]
- (c) Islam menggalakkan umatnya menguasai bidang ekonomi. Jelaskan kepentingan kekuatan ekonomi kepada negara. [4 markah]

- 7 (a) (i) Allah s.w.t menciptakan manusia dan jin adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya. Nyatakan pengertian ibadah. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kesan ihsan dalam meningkatkan kualiti ibadah. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua amalan yang boleh merosakkan ibadah. [4 markah]
- (b) (i) Islam telah menetapkan peraturan untuk keturunan, akal, dan harta. Bagaimanakah perundangan Islam memelihara harta benda manusia. [4 markah]
- (ii) Terangkan tiga cara perundangan Islam memelihara akal. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1
BAHAGIAN A

| | | | | | | | | | |
|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|
| 1. | D | 2. | C | 3. | A | 4. | D | 5. | D |
| 6. | C | 7. | B | 8. | A | 9. | D | 10. | A |
| 11. | D | 12. | B | 13. | B | 14. | A | 15. | D |
| 16. | B | 17. | C | 18. | C | 19. | B | 20. | C |

BAHAGIAN B

21 Al-Wadiah
22 Al-Ijarah
23 Al-Musyarakah

24 Wahyu
25 Ilmu fardu kifayah
26 Suhuf
27 Ujian

28 ✓
29 ×
30 ✓
31 ×

32 Y
33 X
34 X
35 Y
36 X

37 P : Ibadat khusus
38 Q : Zakat
39 R : Bersedekah / lain-lain yang sesuai
40 S : Belajar / lain-lain yang sesuai

SKEMA KERTAS 2

- 1 (a) (i) Sebab wahyu tidak boleh dipinda mengikut keperluan semasa manusia
 1. Kebenaran wahyu adalah mutlak
 2. Wahyu lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat
 3. Wahyu terpelihara daripada sebarang perubahan
 4. Wahyu bersesuaian sepanjang masa
 (6 markah)
- (ii) Cara manusia bersyukur kerana disyariatkan wahyu
 1. Mengamalkan ajaran dan syariat wahyu dalam kehidupan seharian
 2. Meninggalkan larangan Allah
 3. Mendalami dan mengkaji kebenaran wahyu
 (4 markah)
- (b) (i) Dua Contoh alam ghaib.
 1. Syurga
 2. neraka
 3. alam kubur
 4. mana-mana yang berkenaan
 (2 markah)
- (ii) Dua Hikmat beriman dengan alam ghaib
 1. menguji keimanan manusia
 2. menilai ketaatan manusia
 3. menunjukkan kekuasaan Allah
 (4 markah)
- (c) Perbezaan antara ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah
- | Fardu Ain | Fardu Kifayah |
|--|--|
| 1. ilmu yang berkaitan dengan amalan wajib | 1. ilmu yang berkaitan dengan kepentingan duniawi |
| 2. ilmu yang wajib di pelajari oleh setiap individu muslim | 2. ilmu yang hanya wajib dipelajari oleh sebahagian umat Islam |
- (4 markah)
- 2 (a) (i) Pengertian ad-Din :
 Cara hidup Islam yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
 (2 markah)
- (ii) Dua bukti Islam sebagai ad-Din
 1. Lengkap dan syumul
 2. Terpelihara daripada penyelewengan
 3. Diiktiraf oleh Allah s.w.t
 4. Menekankan hubungan sejagat / hubungan dengan Allah s.w.t / manusia / alam
 (4 markah)
- (b) (i) Ciri-ciri Waqi'yyah dalam munakahat
 1. Membina tanggungjawab bersama dalam sistem kekeluargaan
 2. Mengharuskan perkahwinan untuk mendapat zuriat .
 3. Menjaga keturunan dengan mengharamkan zina .
 (4 markah)

- (b) (ii) Keadilan dalam Islam bersifat sejagat
1. hak sama rata tanpa terikat kepada batasan ras , keturunan ,puak, warna kulit, dan sempadan geografi
 2. Ditegakkan tanpa mengira kawan atau lawan , sesama Islam atau bukan Islam
 3. Meliputi semua bidang kehidupam sama ada rumahtangga, masyarakat, mahupun urusan negara .
- (4 markah)
- (c) Tiga Kesan jika hak asasi manusia tidak terjamin
1. Merosakkan silaturrahim antara ahli masyarakat
 2. Menimbulkan huru hara dalam masyarakat
 3. Menjejaskan keharmonian negara
 4. Masyarakat hidup dalam ketakutan
- (6 markah)
- 3 (a) (i) Peraturan keterangan
1. Pengakuan iaitu keterangan yang dinyatakan oleh tertuduh tentang kesalahan yang dilakukan
 2. Kesaksian iaitu individu yang memberikan keterangan menyokong pengakuan tertuduh atau menyaksikan jenayah berlaku
 3. Pembuktian iaitu bahan-bahan yang boleh digunakan untuk mensabitkan kes.
- (6 markah)
- (ii) Hikmah hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman dalam keadaan marah.
1. Keadilan dapat ditegakkan
 2. Maruah hakim terpelihara
 3. Keputusan hakim tidak dipertikaikan
 4. Mahkamah akan dirujuk dan dihormati sebagai tempat pengadilan
- (4 markah)
- (b) (i) Apakah tujuan Piagam Madinah diwujudkan.
1. Untuk membentuk masyarakat dan negara yang berdaulat.
 2. Untuk mengiktiraf hak dan tanggungjawab masing-masing.
 3. Untuk mengamalkan semangat kekitaan dan saling mempercayai antara satu sama lain.
- (4 markah)
- (ii) Kedudukan Rasulullah s.a.w. berdasarkan Piagam Madinah
1. Rasulullah s.a.w. merupakan ketua negara.
 2. Rasulullah s.a.w. merupakan hakim tertinggi.
 3. Rasulullah s.a.w. sebagai rujukan utama bagi setiap hubungan luar yang hendak dijalankan.
 4. Rasulullah s.a.w. sebagai rujukan bagi sebarang pertelingkahan antara kaum.
- (4 markah)
- (c) Dua contoh amalan dalam keluarga yang boleh mengeratkan kasih sayang serta mendapat rahmat Allah s.w.t.
1. Solat berjemaah.
 2. Berkongsi masalah.
 3. Beriadah bersama-sama.
 4. Makan bersama-sama.
 5. Amalan bersalam sebelum keluar rumah.

(2 markah)

- 4 (a) (i) Syarat-syarat dalam urusan muamalah Islam.
1. Persetujuan daripada kedua-dua belah pihak / ijab dan kabul.
 2. Pihak yang melakukan transaksi muamalah mestilah waras dan sempurna akal.
 3. Transaksi yang dilakukan mestilah bersih daripada unsur-unsur penipuan.
 4. Barangan yang diperniagakan mestilah milik sah penjual.
- (4 markah)
- (a) (ii) Dua akibat tidak mengamalkan muamalah Islam.
1. Mementingkan diri sendiri.
 2. Pergaduhan dan permusuhan akan berlaku.
 3. Berlaku kemelesetan ekonomi dalam negara.
 4. Semangat bekerjasama dan tolong menolong akan luput dalam masyarakat.
- (4 markah)
- (b) (i) Dua cara mensyukuri nikmat harta
1. Membelanjakan harta pada jalan yang halal.
 2. Mengeluarkan zakat.
 3. Menggunakan harta untuk membantu orang lain / menderma.
 4. Tidak membazir / berbelanja secara berlebihan.
 5. Redha terhadap pemberian Allah walaupun sedikit.
- (4 markah)
- (b) (ii) Dua akibat jika tidak mensyukuri nikmat dikurniakan harta.
1. Dimurkai Allah / tidak diredhai
 2. Harta berkurangan / Tiada keberkatan harta
 3. Jiwa gelisah / tidak tenang
 4. Sering mengalami kesempitan wang
 5. Mementingkan diri sendiri / terhapus semangat tolong menolong
 6. Disisih / dipulau / dibenci oleh masyarakat
- (4 markah)
- (c) Dua perkara yang merosakkan harta.
1. Membelanjakan harta secara tidak berhemah / membazir / boros
 2. Kedekut untuk membelanjakan harta
 3. Membekukan wang yang dimiliki / wang disimpan di rumah
 4. Membelanjakan harta untuk maksiat / membeli dadah / berjudi
 5. Merosakkan kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan / vandalisme
- (4 markah)
- 5 (a) Pengertian jenayah menurut Islam :
- (i) Perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada berlaku terhadap nyawa, diri, harta dan lain-lain
- [2 markah]
- (ii) 4 perkara yang termasuk dalam perlakuan jenayah;
1. Mencuri
 2. Tidak menunaikan solat
 3. Tidak berpuasa pada bulan Ramadhan
 4. Berzina
 5. Minum arak
 6. Melakukan fitnah
 7. Rasuah
 8. Khalwat (berduaan antara lelaki dan perempuan bukan mahram)
- [4 markah]

- (iii) Empat jenis hukuman jenayah yang terdapat dalam Islam;
1. Hudud
 2. Qisas
 3. Takzir
 4. Diat
- [4 markah]
- (b) (i) Dua kelebihan perundangan Islam berbanding perundangan ciptaan manusia
1. Ciptaan Allah s.w.t
 2. Lengkap dan sesuai
 3. Hukuman yang adil
 4. Kekal hingga kiamat
 5. Mendidik jiwa manusia
 6. Memelihara keselamatan masyarakat dan negara
 7. Hukuman bersifat pengajaran
 8. Ganjaran pahala kepada orang yang taat.
- [4 markah]
- (ii) Cara perundangan Islam memelihara nasab
1. Menjauhi perkara yang merosakkan keturunan / zina / lesbian / homoseks
 2. Mensyariatkan perkahwinan
 3. Hukuman hudud bagi penzina / 100 x sebatan atau rejam bagi penzina
 4. Menjaga adab dan akhlak
 5. Larangan pergaulan bebas
- [4 markah]
- 6 (a) (i) Kecemerlangan pendidikan bermaksud kejayaan dalam keperibadian manusia yang melibatkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek
- [2 markah]
- (ii) Seseorang pelajar itu dapat mencapai kecemerlangan dalam pendidikannya :
1. sentiasa membuat analisis dan kajian
 2. membaca bagi menambah ilmu pengetahuan
 3. sentiasa berdisiplin dan menepati masa
 4. bersungguh-sungguh menuntut ilmu / tidak putus asa / sabar
 5. melipat gandakan usaha jika gagal
 6. sentiasa berbincang / bertanya kepada guru
- [6 markah]
- (b) (i) Cara memupuk jati diri :
1. Menuntut ilmu dan kemahiran
 2. Perancangan yang kemas
 3. Penggunaan sumber tenaga yang baik dan berkesan
 4. Menghayati cara hidup Islam
 5. Menjaga kesihatan fizikal dan mental
- [4 markah]
- (ii) Kesan memiliki jati diri
1. Umat Islam dapat berdikari
 2. Umat Islam dipandang mulia
 3. Islam lebih maju dan berkembang
 4. Orang lain tertarik dengan Islam
- [4 markah]

- (c) Kepentingan kekuatan ekonomi kepada negara:
1. bagi mengelakkan daripada bergantung kepada orang lain
 2. untuk menjadikan umat Islam dipandang mulia dan dihormati oleh bangsa lain
 3. supaya dapat membantu negara-negara lain yang miskin
- [4 markah]
- 7 (a) Pengertian ibadah ialah :
- (i) Pengabdian kepada Allah s.w.t melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati.
- [2 markah]
- (ii) Dua kesan ihsan dalam meningkatkan ibadat ialah :
1. Melakukan ibadat dengan betul / sempurna syarat
 2. Ikhlas kerana Allah s.w.t
 3. Menyempurnakan dengan amalan-amalan sunat.
- [4 markah]
- (iii) Amalan yang boleh merosakkan ibadat :
1. Riak : amalan baik dilakukan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain.
 2. Ujub : kagum sendiri dengan amalan yang dilakukan
 3. Takbur : membesarkan diri / sombong dan angkuh dengan nikmat kesenangan.
 4. Sum`ah : menceritakan amalan baik supaya dapat pujian.
 5. Hasad dengki : iri hati / benci dengan nikmat orang lain.
 6. Aza : menyakitkan hati orang yang pernah dibantu dengan mengungkit bantuannya.
 7. Murtad : keluar daripada Islam
 8. Syirik : menyekutukan Allah s.w.t dengan sesuatu
 9. Munafik : berpura-pura beriman tetapi hakikatnya kufur
- [4 markah]
- (b) (i) Perundangan Islam memelihara harta benda manusia.
- Mewajibkan umat Islam menghormati hak milik individu dan hak umum.
 - Mewajibkan usaha mencari dan memiliki harta dengan cara yang halal.
 - Mengharamkan perbuatan membazir.
 - Menetapkan hukuman yang tegas terhadap pencuri.
- [4 markah]
- (b) (ii) Tiga cara perundangan Islam memelihara akal.
1. Menjauhi perbuatan yang merosakkan akal / minum arak / menagih dadah / pil khayal
 2. Sentiasa melakukan ibadat / membaca buku ilmiah
 3. Beriadah / menjaga kesihatan mental
 4. Berfikiran rasional / larangan berfikiran negatif
 5. Mendampingi ulama / cendekiawan
 6. Berfikir tentang kekuasaan Allah s.w.t / ciptaan Allah s.w.t
- [6 markah]

SKEMA TAMAT

CATATAN

CATATAN

